



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

28 Ramadhan 1441 / 22 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 28 Ramadhan 1441H bersamaan 22 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 136 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini juga kekal seramai **4 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya

memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, semua kontek kes yang telah menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 telahpun menamatkan tempoh kurantin di mana jumlah keseluruhannya ialah seramai **2,679 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 183 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 18,193 ujian.
5. Seterusnya, berikutan makluman mengenai ***Bruhealth App***, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 188,261 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 3,056 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut. Dengan ini, orang ramai yang belum mendaftar adalah disyorkan untuk memuat turun dan mendaftar ke aplikasi **Bruhealth** tersebut. Manakala bagi restoran-restoran yang juga memberikan perkhidmatan takeaway, satu ciri baru juga telah diperkenalkan yang mana kod QR berasingan bagi pelanggan takeaway boleh dibuat bagi premis yang sama melalui **[www.healthinfo.gov.bn/register](http://www.healthinfo.gov.bn/register)**.

6. Dengan ini, sekali lagi ditekankan bahawa kerjasama orang ramai dalam penggunaan applikasi Bruhealth serta mengimbas QR code di tempat keluar masuk premis adalah diperlukan kerana ianya akan sedikit sebanyak memastikan keselamatan orang ramai termasuk penjual dan pelanggan terjamin disamping memudahkan Kementerian Kesihatan untuk membuat *contact tracing* sekiranya ada penularan jangkitan berlaku. Bagi pemilik premis dan peniaga-peniaga hendaklah juga memastikan orang ramai untuk mengimbas kod sebelum masuk ke dalam premis dan menegah mereka yang mempunyai kod merah, biru atau ungu untuk tidak memasuki premis mereka. Sama-samalah kita saling ingat mengingati demi keselamatan kesihatan bersama.
  
7. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah menerima laporan dan mendapati beberapa *runners* yang masih tidak mematuhi garis panduan bagi *runners* yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan seperti tidak memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*), *gloves*, *Personal Protection Equipment (PPE)* iaitu, *apron*, *raincoat* atau *poncho* semasa mengendalikan barangan. Di sini diingatkan bahawa sesiapa yang didapati tidak mengikut garis panduan ini boleh diambil tindakan undang-undang disamping membatalkan kebenaran permit mereka.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Sama-samalah kita  
mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung Ramadhan  
ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan  
kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada  
di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei  
Darussalam sentiasa bebas dari wabak COVID-19.**

**Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 28 Ramadhan 1441H / 22 Mei 2020